

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 27 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang hak dan kewajipan seorang pengundi dalam sistem pilihan raya umum negara kita:

(a) adakah seorang pengundi berhak untuk tidak membuang undi pada PRU atau pilihan kecil; dan

(b) apakah kesalahan seorang pengundi yang telah merosakkan undi beliau semasa membuang undi.

72

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang dan peraturan Pilihan Raya yang diguna pakai, telah menetapkan hak mengundi setiap warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun dan telah mendaftar menjadi pemilih yang sah serta layak mengundi di bahagian pilihan raya tertentu dan perlu hadir mengundi di mana-mana pusat mengundi yang telah diwartakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga berdasarkan Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, sekiranya seseorang pengundi dengan tidak sengaja merosakan kertas undinya boleh diberikan kertas undi baharu dengan syarat Ketua Tempat Mengundi (KTM) berpuas hati bahawa perbuatan itu dilakukan dengan tidak sengaja. Kertas undi rosak itu akan ditanda rosak dan tidak dimasukkan ke dalam peti undi.

Sekian, terima kasih.